

BUAH KERIYANG DOT – rasanya kelat, sedap kalau makan cich garam....

Oleh: Idris Bin Awab



Di pejabat tadi, terlihat sepiring buah seakan buah anggur hitam atau kurma, apabila dipelawa untuk dirasa, terus saya ambil sebiji dan masukkan ke dalam mulut..... ishh mengapa rasanya masam, pahit dan kelat. Ternyata ianya bukan buah anggur hitam atau kurma seperti yang disangka, tetapi sebenarnya buah keriyang dot!

Buah keriyang dot atau disebut juga buah keriang merupakan pokok saka yang dikategorikan sebagai buah nadir.

Biasanya pokok keriang dot hanya tumbuh dikampung atau tumbuh liar di dalam hutan dan banyak terdapat di utara semenanjung terutama di negeri Perlis.

Pokok keriyang dot dikatakan hanya berbuah sekali dalam setahun dan berbunga sekitar bulan Mac – April dan berbuah sekitar bulan Mei – Jun. Buahnya berbentuk seakan buah anggur hitam panjang bujur berukuran 1.5-2 × 0.6-0.8 cm dengan isi yang boleh dimakan dengan satu biji benih ditengahnya.

Merujuk kepada wikipedia, keriyang dot juga dikenali dengan nama pokok jambu arang atau nama saintifiknya (*Eugenia claviflora* Roxburgh) yang merupakan pokok saka berkayu. Pokoknya boleh mencapai ketinggian hingga 20 meter yang mengeluarkan bunga berwarna merah jambu atau merah. Buahnya berwarna hijau ketika muda dan bertukar menjadi merah apabila matang dan boleh dimakan. Rasanya masam, pahit dan kelat tetapi manis apabila buah benar-benar masak apabila ianya bertukar warna hitam.

Buahnya mengandungi banyak kandungan air yang mampu meninggalkan kesan warna merah apabila terkena baju dan juga kesan warna hitam di lidah ketika memakannya. Dikatakan juga buahnya kaya dengan khasiat dari segi perubatan.

